

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Percubaan SPM
2009
2½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2009

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan pendermaan organ di negara kita dan halangan untuk menderma organ. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Penderitaan adik Teh Hui Yee, 14 tahun yang bergantung hidup menggunakan jantung mekanikal sejak setahun lalu sedikit sebanyak mula menyedarkan masyarakat tentang perlunya penderma organ. Penderitaannya mendorong sebuah keluarga yang baru kematian anak akibat kemalangan jalan raya, secara ikhlas mendermakan jantung anak mereka kepada adik Teh Hui Yee. Sumbangan ini suatu ikhtiar perubatan moden yang dapat menghilangkan penderitaan yang ditanggung pesakit. Menurut laporan Kementerian Kesihatan, sejak 1997 seramai 108,501 orang telah mendaftar untuk menderma organ, bagaimanapun hanya 180 kes pendermaan organ dapat disempurnakan selepas kematian penderma. Dengan adanya pemindahan organ ini, para doktor dapat menyelesaikan masalah perubatan pesakit.

Pemindahan organ bermakna memindahkan sebahagian ataupun seluruh organ daripada tubuh seseorang kepada individu lain yang memerlukannya. Organ biasanya diambil daripada penderma yang telah meninggal dunia. Prosedurnya ialah organ penerima yang gagal berfungsi digantikan dengan organ penderma. Hasilnya membolehkan sistem badan pesakit dapat berfungsi secara normal. Namun begitu, bukan perkara mudah untuk mendapatkan penderma organ walaupun pendermaan organ merupakan satu kaedah perubatan paling berkesan untuk membantu pesakit kerana tidak semua orang sanggup melakukannya. Bagi melaksanakan amalan mulia ini sebagai amal jariah, pakar perubatan perlu mendapatkan kebenaran ahli keluarga atau waris terdekat penderma terlebih dahulu. Selain itu, organ yang dipindahkan tidak boleh dijadikan barang dagangan untuk urusan jual beli. Pembedahan yang berjaya akan memberikan harapan baru kepada pesakit untuk terus hidup.

Namun begitu, terdapat juga pembedahan yang gagal. Hal ini berpunca daripada penolakan organ penderma oleh sistem imun tubuh penerima organ. Kesan sampingan ubat bagi menghalang proses penolakan organ juga merupakan masalah bagi proses pemindahan organ. Oleh itu, pemilihan penderma dan pesakit yang tepat seharusnya diutamakan agar kegagalan pemindahan organ dapat dielakkan. Dengan adanya sumbangan organ daripada orang ramai, kewujudan bank organ dapat direalisasikan di negara ini. Pesakit pula tidak perlu menunggu begitu lama untuk menjalani pembedahan.

Pemindahan organ dapat mengurangkan risiko kematian awal yang selama ini menghantui pesakit. Keluarga penderma tidak perlu gusar kerana pembedahan pemindahan organ itu disempurnakan dengan penuh rasa hormat dan tanggungjawab. Masyarakat pula perlu sedar jika tiada penderma maka ramai pesakit yang mengalami kegagalan fungsi organ akan *berhadapan dengan risiko* kematian. Pendermaan organ akan membawa kepada pembedahan pemindahan organ. Pembedahan yang berjaya akan dapat mengiktiraf kualiti dan kecekapan pakar perubatan tempatan. Sesungguhnya, kesanggupan kita menderma organ membuktikan betapa tingginya nilai kemanusiaan yang ada pada diri kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Pendermaan Organ' oleh Siti Balkis Sudin,
Dewan Masyarakat, Disember 2007)

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berhadapan dengan risiko*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** perkara yang perlu dipatuhi oleh pakar bedah organ. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** usaha yang perlu dilaksanakan untuk menyedarkan rakyat agar menderma organ mengikut pendapat anda. [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SERISEGALA: Nanti!!... Aku fikir orang muda ini tentulah bukan sebarang pelakon. Kalau tidak tentunya dia tak akan mahu berlakon di hadapan kita di sini. Datangnya tidak diminta. Bukankah itu satu keuntungan besar bagi kita? Kita akan berpeluang melihat lakonan daripada seorang pelakon handalan. Orang muda! Teruskan lakonanmu.

PUTRA : Bila aku berlutut bererti aku menyembahmu. Dan kalau aku meminta bukannya pada tempat dudukmu atau bunyi gong di belakangmu itu. *Aku sekadar mahu berbicara dengan dirimu sebagai seorang manusia*. Kerana aku cukup tahu, setiap haiwan yang bernama manusia hidup dengan fikiran dan perasaannya. Dan dia takkan terpisah dari apa yang dinamakan KEMANUSIAAN!

SERISEGALA: (*Ketawa sinis*) Orang muda! Kau tak pernah mengingati perkembangan dunia hari ini agaknya. Tahukah kau bahawa fikiran dan perasaan manusia itu adalah di bawah kekuasaan tempat duduknya? Kerusi ini lebih bijaksana dariku. Begitu juga bunyi sebuah gong, menguasai siapa saja yang menduduki tempat ini.

(Dipetik daripada 'Kerusi'
Oleh Hatta Azad Khan
dalam antologi *Kerusi*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Putra mengatakan kepada Serisegala bahawa *Aku sekadar mahu berbicara dengan dirimu sebagai seorang manusia*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** manfaat generasi muda perlu mengikuti perkembangan dunia semasa mengikut pendapat anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Putra yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan Putra yang lain terdapat dalam keseluruhan drama. [4 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 2 (c) – Petikan Drama

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahawa pada ketika itu Sabor itu pun ada hadir di dalam masjid memakai kopiah yang diberi Jibor itu. Maka dirasanya oleh Sabor itu kepalanya pening. Maka kopiah di atas kepalanya itu ditanggalkannya. Maka diletakkannya di atas mihrab. Maka ia memakai sapu tangan bertelepek intan baiduri. Setelah itu, maka bilal pun banglah. Maka dengan takdir Allah taala menggerakkan hati jauhari itu, maka dilihatnya kopiah itu di atas mihrab itu. Maka oleh jauhari diambilnya lalu dipakainya kopiah itu, *daripada sangat ia ingin akan kopiah itu*. Lalu kamat lalu takbiratulihram.

Maka segala makmum pun takbirlah. Baharulah imam membaca fatihah, maka sipahi yang keempat itu pun datanglah lalu diparangnya leher jauhari itu putus terpelanting pada kaki Jibor itu. Maka Jibor pun terkejut lalu ia melompat. Maka segala orang yang bersembahyang itu pun habis pecahlah lari. Maka sembahyang itupun menjadi batallah, sekalian makmum itu pun pecah belah, tiada berketahuan, hanya yang tiada batal itu imam dengan Sabor juga. Setelah tamatlah sembahyang kedua mereka itu, maka Sabor pun baharulah tahu akan fitnah itu daripada Saidah juga.

(Dipetik daripada
'Sabor'
dalam antologi *Kerusi*
Dalam Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *daripada sangat ia ingin akan kopiah itu*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan urutan peristiwa sehingga jauhari boleh memakai kopiah kepunyaan Sabor.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu tidak wajar mengambil barangan milik orang lain.
[3 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 2(d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
Adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

ZAM ISMAIL
Antologi *Anak Laut*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *tika gerimis menabur benih* berdasarkan sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** langkah untuk menyedarkan masyarakat tentang keselamatan jalan raya mengikut pendapat anda. [3 markah]
- (iii) Nyatakan **empat** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ? [4 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) masak – masak-memasak
- (ii) tawar – tawar-menawar
- (iii) sandar – sandar-menyandar

[6 markah]

- (b) Tukarkan ayat-ayat penyata di bawah kepada ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul.

- (i) Haslin pergi ke padang bola dengan kawannya Rosman.
- (ii) Mereka mengatasi masalah kekurangan air dengan menggali telaga.
- (iii) Penyakit yang berbahaya kepada penduduk di negara ini ialah Penyakit Chikungunya.
- (iv) Roslan dan isterinya sampai di rumah kira-kira pada pukul 10.00 malam tadi.
- (v) Gunung Korbu terletak di Gopeng, Perak.
- (vi) Shafie tidak menghadiri mesyuarat persatuan kerana dia berada di luar negara ketika itu.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Langkah kerajaan mengumumkan penurunan tarif letrik ternyata melegakan banyak pihak terutama sektor perbuatan dan perkilangan.
- (ii) Projek Cari yang diperkenalkan oleh perdana menteri akan mencari dan menyiasat penduduk miskin untuk diberikan bantuan kewangan atau kad diskaun.
- (iii) Sejarah peradapan bangsa Melayu jelas menunjukkan bagaimana halusnyanya masyarakat dunia Melayu berinteraksi dengan penuh kesantunan dan berbudi bahasa.

[6 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

- (d) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Sebuah universiti telah berjaya membuktikan ekstrak tumbuhan dari daun kelapa sawit, rumpai laut dan daun keledak boleh memantaskan pemulihan luka dan kecederaan tisu. Pihak pengurusan universiti tersebut telah mengkaji semula pembiayaan untuk projek ini supaya berhasil di persada perubatan tradisional. Apabila berada ke pasaran kelak orang ramai dapat membeli ubat tersebut dengan lebih mudah pada harga yang lebih rendah.

[6 markah]

- (e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong yang berikut.*

- (i) Zaki suka menunda kerja-kerja sekolahnya. Kerja-kerja sekolah tersebut sering tidak siap lalu dia meniru kerja sekolah kawannya. Sikap Zaki yang sebegini diumpamakan
- (ii) Bapa Amir berani berhadapan dengan sesiapa sahaja apabila membela pihak yang teraniaya kecuali perkara itu bertentangan dengan undang-undang. Dia berpegang pada prinsip
- (iii) Walaupun Rosman hidup dalam kemiskinan, dia tetap berbakti kepada penduduk yang memerlukan tenaganya tanpa mengira kaum kerana baginya selagi ada hayat dia ingin menyumbang sesuatu untuk masyarakat. Sikap seperti ini diumpamakan

[6 markah]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussin
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Kebijakan menyelesaikan masalah merupakan salah satu persoalan yang sering dikemukakan oleh pengarang dalam sesebuah novel.

Jelaskan **dua** persoalan kebijakan dalam sesebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Huraikan **dua** latar masa bagi **dua** buah novel yang telah anda kaji.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Dapatkan skema Jawapan di Laman